

24 MAY 2000

Mahkamah-Anwar/I

RAYUAN KETERANGAN PM DIDENGAR PADA 5 JUN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap keputusan Mahkamah Tinggi untuk tidak memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi dalam kes perbicaraan liwatnya, akan didengar pada 5 Jun ini.

Seorang daripada peguam Anwar, Sankaran Nair, ketika dihubungi hari ini berkata rayuan itu akan didengar di Mahkamah Rayuan.

Semalam, Nair memfailkan petisyen rayuan itu dengan memberikan 11 alasan dan melampirkan bersama sijil perakuan segera bagi memohon rayuan itu dipercepatkan untuk mengelakkan kelewatan perbicaraan kes liwat itu.

Perbicaraan itu ditangguhkan kepada satu tarikh yang belum ditetapkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Arifin Jaka sementara menunggu keputusan terhadap rayuan itu.

Arifin memutuskan bahawa tindakan memanggil Dr Mahathir memberi keterangan pada perbicaraan liwat itu adalah penyalahgunaan proses mahkamah dan menjadi tugas beliau untuk mengelakkan perkara itu daripada terjadi.

Arifin juga berkata tidak ada bukti yang menunjukkan Dr Mahathir terlibat memalsukan keterangan dalam dakwaan konspirasi untuk menjatuhkan Anwar.

Anwar, 52, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, menghadapi tuduhan berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada 7.45 malam, antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pada masa dan tempat yang sama.

Anwar dan Sukma telah memohon kepada mahkamah untuk memanggil Dr Mahathir sebagai saksi mereka dalam kapasiti peribadi perdana menteri.

Bekas timbalan perdana menteri itu kini menjalani hukuman penjara enam tahun selepas didapati bersalah terhadap empat tuduhan rasuah dengan mencampuri siasatan polis terhadap dakwaan salah laku seks dirinya.

Anwar, yang juga bekas menteri kewangan, dipecat daripada Kabinet pada 2 Sept 1998.

-- BERNAMA

SBB ZS NAK